2015

13

# CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH



www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R13/15

## PENGENALAN

- Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan / penjualan harta tanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah (SHT)

## PENGHANTARAN BORANG CKHT

| PERKARA | SEBELUM 1 APRIL 2007 | MULAI 1 JANUARI 2010 |
|---|---|---|
| **PELUPUS / PENJUAL** | | |
| - Harta Tanah | CKHT 1 | CKHT 1 A |
| - Saham SHT | CKHT 1 | CKHT 1 B |
| **PEMEROLEH / PEMBELI** | | |
| - Harta Tanah | CKHT 2 | CKHT 2 A |
| - Saham SHT | CKHT 2 | CKHT 2 A |

- **Hantar Borang CKHT ke cawangan LHDNM di mana fail pelupus dikendalikan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan**

## SERTAKAN DOKUMEN BERIKUT

- Salinan Perjanjian Jual dan Beli (S&P) bersetem bagi pemerolehan dan pelupusan harta tanah
- Salinan Borang Pemindahan Saham (Borang 32A) bersetem bagi pemerolehan dan pelupusan saham dan Penyata Peruntukan Saham (Borang 24) bagi pemerolehan saham
- Salinan Surat Hakmilik (jika ada) / Borang Pindahmilik (KTN 14A)
- Resit bayaran dan invois bagi perbelanjaan / kos sampingan

## REMITAN

**Pembeli / pemeroleh dikehendaki meremit 3% daripada harga balasan atau kesemua wang balasan (yang mana lebih rendah) kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan**

**Bagi pelupusan yang tidak dikenakan CKHT, pelupus boleh mengisi borang CKHT 3 supaya remitan 3% tidak perlu dibuat**

Penafian

https://www.facebook.com/LHDNM /LHDNM 1-800-88-5436 (LHDN)

*Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.*

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

## PELUPUSAN YANG TIDAK DIKENAKAN CKHT

**ANTARANYA :**

- Pelupusan yang dibuat selepas 5 tahun daripada tarikh pemerolehan harta tersebut oleh orang selain daripada syarikat, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap
- Pemberian atas kasih sayang antara :
  1 - Suami dan Isteri
  2 - Ibu / bapa dan anak
  3 - Datuk / nenek dan cucu
- Keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sahaja untuk warganegara atau pemastutin tetap Malaysia. Pemilihan untuk pengecualian cukai hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perakuan Pemilihan Pengecualian Cukai untuk pelupusan kediaman persendirian di bawah Perenggan 9 Jadual 3 (Seksyen 8) Akta CKHT 1976

## KADAR CKHT MULAI 1 JANUARI 2014

| PELUPUS / TEMPOH PELUPUSAN | SELAIN SYARIKAT DAN SELAIN INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA DAN BUKAN PEMASTAUTIN TETAP | INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA DAN BUKAN PEMASTAUTIN TETAP | SYARIKAT |
|---|---|---|---|
| Dalam tempoh 3 tahun selepas tarikh pemerolehan | 30 % | 30 % | 30 % |
| Dalam tahun ke-4 selepas tarikh pemerolehan | 20 % | 30 % | 20 % |
| Dalam tahun ke-5 selepas tarikh pemerolehan | 15 % | 30 % | 15 % |
| Dalam tahun ke-6 selepas tarikh pemerolehan dan seterusnya | 0 % | 5 % | 5 % |

**SILA LAYARI**

**www.hasil.gov.my**

**untuk keterangan lanjut**

HASiL Teman Keceriaan Anda